




**PUSAT SUMBER DAN TEKNOLOGI PENGAJARAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

BENGGKEL PEMBANGUNAN SLT & AKTIVITI KURSUS MOOC UNTUK SEM. 1 2018/ 2019

Oleh:
Prof. Dr. Sazilah Salam
Pengarah PSTP

Tarikh: 26 JUN 2018




1.0 TUJUAN BENGKEL

- ✓ Membina SLT Kursus MOOC
- ✓ Membina Aktiviti Kursus MOOC
- ✓ Mengenalpasti nama Kursus MOOC untuk pelajar Diploma dan Degree (Multimedia System)

2.0 LATAR BELAKANG

- MOOCs (*Massive Open Online Courses*) adalah kursus-kursus **atas talian** yang terbuka untuk kegunaan 10,000 hingga 100,000 pelajar di mana sahaja pada bila-bila masa. Contoh platform MOOCs sedia ada adalah Coursera, edX , Udacity dan **OpenLearning**.

2.0 LATAR BELAKANG



2.1 MOOC UTeM

Di UTeM, sehingga kini, sebanyak 12 kursus MOOC telah dibangunkan mula ditawarkan secara pembelajaran teradun (*blended learning*) seperti dalam Jadual berikut:

Sept. 2015	Sept. 2016	2017	2018
1) Critical & Creative Thinking	1) Technology Entrepreneurship	1) Bahasa Jepun	1) Numerical Methods
2) Mandarin 1	2) Programming Technique	2) IT Security	2) Principle of Electrical & electronic
3) Introduction to Database	3) Multimedia Systems	3) Malaysia University English Test (MUET)	3) Motion Graphic

2.2 Penawaran Kursus MOOC Sem. 1 2018/ 2019

COURSES

Mandarin (BLHL1212)

Introduction to Database (DITP1333)

Multimedia System (DITM1113)

Entrepreneurship Technology (BTMW4012)

Multimedia System (BITM1113)

IT Security (BITP 3433)

2.3 Kod Kursus MOOC

Jadual 3: Kod Kursus MOOC

Bil.	Nama Kursus	Kod Kursus	Nama Kursus MOOC	Kod Kursus MOOC
1.	Mandarin	(BLHL1212)	Mandarin 1 (V2)	(BLHL1212M)
2.	Database	(DITP1333)	An Introduction to Database (V2)	(DITP1333M)
3.	Entrepreneurship Technology	(BTMW4012)	Technology Entrepreneurship (V2)	(BTMW4012M)
4.	Multimedia System	(BITM1113)	Multimedia System	(BITM1113M)
5.	Multimedia System	(DITM1113)	Multimedia System	(DITM1113M)
6.	IT Security	(BITP 3433)	Information Technology Security (V2)	(BITP 3433M)

2.4 Membina SLT & Aktiviti

Contoh: MOOC Mandarin 1 (V2)

2.5 Agihan markah Kursus MOOC

Jadual 4: Agihan markah mengikut kursus untuk tujuan PKMT

Jenis kelompok kursus	Markah dari Pentaksiran MOOC	Markah dari ujian kompetensi MOOC	Markah minimum untuk layak PKMT (campuran markah pentaksiran MOOC dan markah Ujian Kompetensi MOOC)
Perniagaan & Pengurusan, Ilmu kemanusiaan termasuk bahasa dan Ko-Kurikulum	60%	40%	55%*
Kejuruteraan, Teknologi & Ilmu Sains Komputer	50%	50%	55%*
*Markah minimum untuk layak PKMT adalah merujuk kepada peraturan akademik UTeM (Markah minimum layak pindah kredit (C+)).			

Terima Kasih

pstp.utm.edu.my



pusat sumber dan
teknologi pengajaran utm

2.2 GARIS PANDUAN PINDAH KREDIT MOOC MQA

- ✓ Garis panduan pindah kredit MOOC ini bertujuan memberikan panduan umum kepada semua IPT untuk mengiktiraf pelajar dan bakal pelajar yang telah menamatkan kursus secara MOOC.
- ✓ Garis panduan ini berdasarkan **prinsip pengiktirafan pembelajaran terdahulu** dan seiring dengan anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 iaitu inisiatif pembelajaran atas talian secara global.

- ✓ Pihak MQA juga telah mengeluarkan garis panduan APEL atau Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu.
- ✓ APEL terbahagi kepada dua (2) iaitu APEL (A) bagi tujuan akses dan APEL (C) bagi tujuan penganugerahan kredit.
- ✓ MOOC dan lain-lain kaedah pembelajaran sendiri adalah termasuk dalam kategori APEL (C) iaitu kategori pembelajaran secara non-formal dan informal.

..sambungan

- ✓ Dalam hal pindah kredit MOOC tanpa gred (PKMT), pihak MQA telah mengeluarkan kenyataan bahawa pihak Universiti masing-masing boleh menganugerahkan pindah kredit MOOC tanpa gred (PKMT) kepada para pelajar yang telah mengikuti kursus MOOC yang telah dikenalpasti tanpa perlu mewujudkan pusat APEL(C) di institusi masing-masing terlebih dahulu.
- ✓ Kelulusan ini bergantung kepada kelulusan Senat universiti masing-masing.

..sambungan

- ✓ PKMT hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA).
- ✓ Kredit PKMT ini akan dikira sebagai kredit dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan sahaja.


..sambungan


Sebagai contoh, untuk kes pemindahan kredit tanpa gred secara menegak, pelajar lepasan Diploma layak memohon pemindahan kredit secara menegak di UTeM sebanyak maksima 30% apabila menyambung pengajian ke peringkat ijazah. Pelajar ini juga layak untuk memohon mendapatkan tambahan pemindahan kredit sebanyak 30% lagi melalui pemindahan kredit MOOC (PKMT). Ini menjadikan secara keseluruhannya, pelajar tersebut layak memohon sebanyak 60% pemindahan kredit untuk pengajian pelajar tersebut di peringkat ijazah. Jumlah had kredit maksima untuk PKM untuk semua peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) adalah seperti dalam Jadual 2.

Peringkat Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF)		Nilai kredit untuk Pengijazahan	Had maksima 30 % dari jumlah nilai kredit untuk pengijazahan bagi sesuatu program (kebiasaan)	Had maksima 30 % dari jumlah nilai kredit untuk pengijazahan bagi sesuatu program (dari kursus MOOC)	Jumlah kredit pindah yang dibenarkan (kebiasaan + MOOC)
8	PhD (Secara Kerja Kursus atau Mod Campuran) DIT/Doctor of Engineering	Berdasarkan jumlah kredit yang diluluskan ATAU 80	24	24	48
7	Sarjana (Secara Kerja Kursus atau Mod Campuran)	40	12	12	24
	Diploma Pasca Siswazah	30	9	9	18
	Sijil Pasca Siswazah	20	6	6	12
6	Sarjana Muda	120	36	36	72
	Diploma Lepas Ijazah	60 + 6 (MPU**)	20	20	40
	Sijil Lepas Ijazah	30 + 6 (MPU**)	11	11	22
5	Diploma Lanjutan	40	12	12	24
4	Diploma	90	27	27	54
3	Sijil	60	18	18	36

3.0 KELULUSAN PROSEDUR PINDAH KREDIT MOOC DI UTeM

- ✓ Selain dari MQA, UTeM juga tertakluk kepada polisi pindah kredit untuk akreditasi oleh pihak EAC.
- ✓ Jawatankuasa Task Force Pindah Kredit MOOC (JKTPKM) UTeM telah mengambilkira kedua-dua keperluan MQA & EAC dalam membuat cadangan prosedur pindah kredit MOOC ini.



- 
- i. Bagi pelajar UTeM & calon pelajar UTeM yang mengikuti program yang tertakluk kepada akreditasi MQA sahaja, pelajar & calon pelajar UTeM yang telah menamatkan kursus MOOC dan memperolehi sijil tamat MOOC (certificate of completion) boleh memohon untuk menduduki ujian kompetensi MOOC untuk memohon pindah kredit MOOC bagi kursus tersebut. Pindah kredit yang dibenarkan adalah **Pindah Kredit Tanpa Gred secara vertikal** dan **Pindah Kredit Tanpa Gred secara horizontal** iaitu tambahan maksima 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program.

Terma	Dari Program Diploma ke Ijazah (Vertikal)	Dari Program Ijazah ke Ijazah (Horizontal)
Pindah Kredit Tanpa Gred (* atau dikenali sebagai Pengecualian Kredit)	Maksima 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program	
Pindah Kredit Bergred		Tiada had maksima. Tertakluk kepada tempoh bermastautin pelajar (residency requirement)
Pindah Kredit Tanpa Gred (MOOC + APEL (C))	Tambahan maksima sehingga 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program.	Tambahan maksima sehingga 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program

..sambungan

ii. Bagi pelajar kejuruteraan UTeM, EAC telah membenarkan pindah kredit MOOC. Pelajar UTeM dikehendaki menamatkan kursus MOOC dan memperolehi sijil tamat MOOC (certificate of completion) dan akan menduduki peperiksaan akhir (iaitu ujian kompetensi MOOC yang sama seperti pelajar lain).

Terma	Dari Program Diploma ke Ijazah (Vertikal)	Dari Program Ijazah ke Ijazah (Horizontal)
Pengecualian Kredit (* atau dikenali sebagai Pindah Kredit Tanpa Gred)	Maksima 30% daripada jumlah keseluruhan kredit program	
Pindah Kredit Bergred		Maksima 50% daripada jumlah keseluruhan kredit program
Pindah Kredit Tanpa Gred (MOOC + APEL (C))	EAC telah meluluskan.	EAC telah meluluskan.

..sambungan

iii. Pelaksanaan Pindah Kredit MOOC Fasa Rintis di UTeM dimulakan dengan kursus MOOC Mandarin pada semester 1 2017/2018 melibatkan seramai 419 pelajar dari Fakulti FTMK, FTK, FKM, FKP, dan FKE.

4.0 PROSEDUR PINDAH KREDIT MOOC TANPA GRED - PKMT DI UTeM

4.1. Syarat Am Kelayakan Pindah Kredit MOOC Tanpa Gred (PKMT)

a) Pihak UTeM berhak menentukan kursus-kursus MOOC yang sesuai dari MOOC Malaysia (MyMOOC) atau MOOC yang lain untuk tujuan PKMT di UTeM. Senarai kursus-kursus MOOC yang diiktiraf PKMT di UTeM akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

..sambungan

b) Kursus-kursus yang dibenarkan PKMT adalah tertakluk kepada kursus-kursus yang wujud dalam program-program pengajian yang ditawarkan di UTeM yang telah mendapat akreditasi dari pihak MQA sahaja.

..sambungan

c) PKMT yang diperolehi tidak memberi pindah kredit tanpa gred kepada kursus prasyarat kepada kursus yang dipohon pindah kredit.

..sambungan

d) Kursus yang telah diberikan status PKMT hanya memberikan nilai kredit untuk tujuan pengijazahan tanpa memberi kesan kepada pengiraan purata nilai gred (GPA) dan purata nilai gred kumulatif (CGPA). Kredit yang akan dikira adalah sebagai kredit dapat (KD) untuk tujuan pengijazahan.

..sambungan

e) Kursus-kursus untuk program pengajian Sarjana Muda **Kejuruteraan** yang memerlukan pengiktirafan badan profesional seperti Majlis Akreditasi Kejuruteraan (**EAC**) boleh diberikan PKMT setelah mendapat kelulusan dari pihak badan profesional yang terlibat.

..sambungan

f) Kredit pindah yang diberikan untuk kursus melalui PKMT hendaklah sesuai dengan nilai kredit kursus yang ingin di mohon di fakulti. Tiada pindah kredit dibenarkan untuk separuh kredit bagi satu kursus.

g) PKMT tidak dibenarkan untuk kursus-kursus seperti amali/ bengkel / latihan industri/ praktikal/ projek tahun akhir/ disertasi/ tesis.

..sambungan

- h) PKMT yang diberikan boleh berdasarkan hasil pembelajaran kursus (CLO) oleh satu kursus MOOC atau kombinasi hasil pembelajaran kursus (CLO) beberapa kursus-kursus MOOC yang telah diikuti untuk melengkapkan kredit satu kursus di Fakulti dan tertakluk kepada markah minimum yang diperolehi dalam pentaksiran kursus MOOC tersebut dan ujian kompetensi MOOC.

- i) Dalam kes PKMT yang dipohon melalui kombinasi beberapa kursus MOOC, markah purata akan ditentukan oleh pihak UTeM dan keputusan muktamad adalah dari pihak UTeM.

..sambungan

- i) Dalam kes PKMT yang dipohon melalui kombinasi beberapa kursus MOOC, markah purata akan ditentukan oleh pihak UTeM dan keputusan muktamad adalah dari pihak UTeM.
- j) Pelajar UTeM dikehendaki mengikuti kursus MOOC melalui MOOC Malaysia (MyMOOC) atau MOOC yang lain sehingga mendapat sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) sebelum memohon PKMT di UTeM. Tiada sesi bersemuka diadakan.
- k) Setelah menerima sijil tamat MOOC yang diikuti, pelajar UTeM atau calon pelajar dikehendaki mendaftar dalam sistem atas talian (*online*) PKMT UTeM untuk menduduki ujian kompetensi MOOC sama ada di UTeM atau di pusat-pusat ujian yang dipilih.

..sambungan

l) Sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) yang diperolehi dari platform MOOC Malaysia (MyMOOC) atau MOOC yang lain hanya sah selama tiga (3) tahun dari tarikh sijil tersebut diperolehi untuk membolehkan pemiliknya menduduki ujian kompetensi MOOC di UTeM atau pusat-pusat ujian yang dipilih.

m) Ujian kompetensi MOOC boleh diadakan dalam pelbagai cara dan tidak tertakluk kepada ujian bertulis sahaja. Ujian kompetensi MOOC boleh berbentuk ujian kemahiran dan/atau gabungan dengan ujian bertulis.

n) Pelajar/Pemohon yang telah mempunyai sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) perlu membuat pendaftaran dalam sistem atas talian (*online*) PKMT UTeM untuk menduduki ujian kompetensi MOOC. Pelajar/pemohon juga dikehendaki membuat pembayaran secara atas talian (*online*).

..sambungan

o) Ujian kompetensi MOOC UTeM akan diadakan secara berkala (sekurang-kurangnya tiga (3) kali) mengikut kalendar sistem akademik pada setiap sesi. Setiap pemohon akan mencetak slip menduduki ujian dan menghadirkan diri pada masa dan tarikh ujian kompetensi mengikut pusat-pusat ujian yang telah dipilih.

..sambungan

p) PKMT dianugerahkan kepada kursus yang sama dengan kursus yang ditawarkan dalam program di UTeM sahaja (minimum 80% sama) dan tertakluk kepada prestasi pelajar dan calon pelajar dalam pentaksiran kursus MOOC yang diikuti dan markah ujian kompetensi MOOC. Pelajar akan mengetahui keputusan ujian kompetensi MOOC dari sistem PKMT UTeM.

q) Markah minimum yang dicadangkan untuk layak diberikan PKMT adalah seperti dalam jadual 6.

- r) Sebarang perubahan kepada jadual 4 perlu mendapatkan kelulusan Senat.

- p) PKMT dianugerahkan kepada kursus yang sama dengan kursus yang ditawarkan dalam program di UTeM sahaja (minimum 80% sama) dan tertakluk kepada prestasi pelajar dan calon pelajar dalam pentaksiran kursus MOOC yang diikuti dan markah ujian kompetensi MOOC. Pelajar akan mengetahui keputusan ujian kompetensi MOOC dari sistem PKMT UTeM.

- t) Pelajar boleh mencetak sijil lulus MOOC (*pass certificate*) dari sistem PKMT UTeM dan menyerahkannya bersama-sama borang permohonan pindah kredit sedia ada di fakulti masing-masing.

- u) Sekiranya pelajar gagal mencapai markah minimum untuk PKMT, pelajar mempunyai dua (2) pilihan samada ingin mengambil ujian kompetensi MOOC semula atau membuat rayuan penyemakan kertas ujian.

- v) Kursus MOOC yang diambil hanya dibenarkan dipindah kredit secara PKMT (akan direkod dalam transkrip di bahagian status) hanya sekali sahaja untuk satu kursus bagi sesuatu program. Pemohon perlu membuat pengesahan yang menyatakan bahawa dirinya tidak pernah memohon pindah kredit bagi sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) yang telah diperolehinya.

..sambungan

- v) Kursus MOOC yang diambil hanya dibenarkan dipindah kredit secara PKMT (akan direkod dalam transkrip di bahagian status) hanya sekali sahaja untuk satu kursus bagi sesuatu program. Pemohon perlu membuat pengesahan yang menyatakan bahawa dirinya tidak pernah memohon pindah kredit bagi sijil tamat MOOC (*certificate of completion*) yang telah diperolehinya.
- w) Pelajar boleh memohon PKMT pada setiap semester lazim akademik dengan mengemukakan sijil lulus MOOC (*pass certificate*) pada minggu pendaftaran semester lazim setiap sesi akademik dan mengisi borang pindah kredit tanpa gred yang sedia ada.
- x) Keputusan pindah kredit yang berjaya PKMT akan dimasukkan dalam transkrip akademik pelajar.

..sambungan

y) Pelajar yang telah gagal mana-mana kursus wajib, teras program dan teras kursus yang telah diambil secara bersemuka **tidak dibenarkan** mengambil kursus yang sama melalui MOOC untuk tujuan PKMT. Penasihat akademik (PA) pelajar dikehendaki menasihati pelajar semasa pertemuan bersama pelajar dibawah penasihatannya. Namun untuk kursus-kursus berbentuk elektif, pelajar boleh memohon PKMT sekiranya telah menerima sijil lulus MOOC untuk kursus-kursus elektif yang sesuai.

..sambungan

- z) Untuk program pasca siswazah, PKMT hanya boleh diberikan kepada program pengajian yang berbentuk mod secara kerja kursus dan juga secara mod campuran.
- w) Pelajar boleh memohon PKMT pada setiap semester lazim akademik dengan mengemukakan sijil lulus MOOC (*pass certificate*) pada minggu pendaftaran semester lazim setiap sesi akademik dan mengisi borang pindah kredit tanpa gred yang sedia ada.